

# Pertubuhan Alumni UMS serah sumbangan COVID-19 RM10,000

UB 31.03.2020 pg.2

KOTA KINABALU: Pertubuhan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberikan sumbangan COVID-19 sebanyak RM10,000 kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS.

Naib Presiden Pertubuhan Alumni UMS Talib Abdullah Shani menyampaikan sumbangan berkenaan kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Almuni UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin di sini baru-baru ini.

Sumbangan hasil kutipan, daripada ahli Pertubuhan Alumni UMS itu bertujuan membantu pelajar UMS dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi mengkekang wabak COVID-19.




**SUMBANGAN:** Talib (dua kiri) menyampaikan sumbangan daripada Pertubuhan Alumni UMS kepada Raman (dua kanan).

Presiden Pertubuhan Alumni UMS Samasuddin Yusop ketika dihubungi berkata, sekiranya ada mananya alumni UMS atau bahan korporat yang mahu membuat

sumbangan boleh berhubung dengan pihak Tabung Banuan Khas COVID-19 UMS iaitu Alumni UMS Prihatin.

Beliau turut menyampaikan perhargaan dan ucapan terima

kasih kepada kerajaan Persekutuan khususnya kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin atas keprihatinan kepada semua lapisan masyarakat terutama



**SAMASUDDIN**

golongan pelajar menerusi pakej rangsangan ekonomi yang baharu diumumkan.

Dalam pada itu, pihaknya turut menyokong penuh inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan UMS dalam kesiapsiagaan menghadapi jangkitan COVID-19.